



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“JPJ LAKUKAN PEMANTAUAN BERTERUSAN KEPADA PENGENDALI BAS”

KUALA LUMPUR, 08 April 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia akan terus meningkatkan aktiviti pemantauan dan pemeriksaan pengendalian bas di 28 Terminal Bas di seluruh negara sebagai usaha **untuk memastikan kelancaran dan kecekapan operasi perkhidmatan pengangkutan awam bagi peningkatan keselamatan, kualiti dan kebolehharian perkhidmatan kepada pengguna sempena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri (HRA) 2024.**

Tindakan pemeriksaan dan penguatkuasaan berfokus secara berterusan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 22 dan 23 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) serta Kaedah-Kaedah di bawahnya.

Sayugia dimaklumkan, hasil pemeriksaan ke atas **3,799 buah bas** di **54 Depoh dan 28 Terminal** dalam tempoh **1-7 April 2024** ini, adalah didapati tahap kesediaan operasi dan keselamatan berada dalam keadaan memuaskan. Walau bagaimanapun, **77 buah bas telah diambil tindakan, di mana, 47 saman JPJ(P)22 atas pelbagai kesalahan (Tiada CDL/PSV, Kesalahan Tata Kelakuan Pemandu dll), dan 42**

buah bas dikeluarkan Notis Larangan Penggunaan Kenderaan (PG1)
di atas pelanggaran peraturan teknikal yang ditetapkan.

Larangan pemanduan juga dikeluarkan kepada **6 pemandu bas yang gagal saringan ujian urin daripada 244 pemandu bas yang di buat saringan**. Justeru, bagi tindakan selanjutnya, JPJ akan memanggil syarikat pengendali bas berkenaan dan laporan siasatan lengkap akan dikemukakan kepada pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk tindakan di bawah Akta 715. JPJ juga akan menggantung lesen pemandu berkenaan di bawah Seksyen 36 Akta 333 setelah pengesahan lanjutan diperolehi daripada pihak AADK.

Pemeriksaan dan audit pematuhan pada hari ini turut disertai oleh YBhg. Datuk Lokman Jamaan, Pengarah Kanan Penguatkuasa, bersama YBrs. Tuan Mohd Zaki Ismail, Pengarah JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) serta pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa JPJ Malaysia dan JPJ WPKL serta rakan kolaborasi strategik iaitu Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Pemeriksaan ini dilakukan di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Jalan Terminal Selatan, Bandar Tasek Selatan, Kuala Lumpur.

JPJ memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan pihak syarikat, pemilik dan pemandu bas ekspres termasuk mana-mana pengguna jalan raya yang masih tegar melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ekosistem pembudayaan keselamatan jalan raya yang lebih selamat kepada semua pengguna.

JPJ dengan matlamat untuk melandai statistik kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya, menyeru dan memohon kerjasama kepada pengguna jalan raya untuk bersama melaksanakan aspirasi **MALAYSIA MADANI** melalui **Perkongsian Tanggungjawab Bersama** dengan mengambil langkah mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan diri dan keluarga ketika di jalan raya serta melaporkan aduan secara terus atau *real time* dengan menggunakan **Aplikasi MyJPJ e-aduan@jppj** atau **emel aduantrafik@jppj.gov.my** beserta dengan butiran lengkap aduan. **“Pandu Cermat, Sampai Selamat Ke Destinasi”**.

**PENGARAH KANAN PENGUATKUASA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

08 APRIL 2024

[TAMAT]